

Apa Khabar Ayah Bonda?

Pengorbanan yang tiada Tandingan

Apa Khabar Ayah Bonda?

Pengorbanan yang tiada Tandingan

Zuraini Ali

Penerbit
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah
2024



Penerbit
Publisher

Hakcipta © Universiti Malaysia Pahang

Al-Sultan Abdullah, 2024

Cetakan Pertama, November 2024

Hakcipta adalah terpelihara

Setiap bahagian dan/judge terbitan ini tidak boleh
ditiratikas semula, dimimpin untuk pengeluaran atau
dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan
cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan
sebagainya tanpa mendapat izin daripada Penerbit
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah,
Lebuhr Persiaran Tun Khalil Yaakob, 26300
Gambang, Kuantan, Pahang Darul Makmur.



Data Pengakatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia
ISBN 978-626-7841-32-4

Diterbitkan Oleh
Penerbit

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah
Lebuhr Persiaran Tun Khalil Yaakob,
26300 Gambang, Kuantan,
Pahang Darul Makmur.
Tel: 09-549 3273 Fax: 09-549 3281

Urus Cetak

PNC Printing
No.2, Tingkat Satuh,
Taman Damai Indah, Parauz,
26600, Pekan, Pahang Darul Makmur
Tel: 09-425 2010
E-mail: pnccentre997@gmail.com

Pengerusi Penerbit : Dr. Mel
Ketua Editor : M. Azki
Editor : Izani A.
Penulis Prof : Izani A.
Rakuh Lantik : Luqif
Penubuhan : A. Aziani & N.A. Arsyah
Julian & Penassaran : N. R.

Share | Like | Tag
Online Shop: <https://umska.penerbitumpa.com>
Official Page (FB) : Penerbit UMPA
Official IG : Penerbitumpa

Kandungan

PRAKATA	vii
PENGHARGAAN.....	ix
AYAH BONDA : PENGORBANAN YANG TAK TERTANDINGI.....	1
BAHAGIAN 1: SEUNTAI DEDIKASI UNTUK IBU TERCINTA	7
Panjat Gunung.....	11
Daun Kesum Tepi Paya	19
Kisah Kain Jemuran	29
Sudah Siap ke?	39
Baca Al-Quran	47
Air Kopi	55
Duit dan Hikmah daripada Ibu	65
Nak Balik Pukul Berapa?	73
Kenapa Dibuang Semuanya?	83
Belajar Malam	93
Balik, Sekarang !	101
BAHAGIAN 2: SENTUHAN KASIH SEORANG AYAH.....	111
Lu Lu Cina Buta	115
Tak Ingat Makan Minum	123
Pok Lupa.....	131

Apa Khabar Ayah Bonda?

Cepatlah, Duduk Depan	137
Ina, Baca 3 Qul Sebelum Solat!	147
RUJUKAN	155
GLOSARI	157
BIODATA PENULIS	161

Prakata

Segala puji kepada Allah SWT atas berkat dan rahmat-Nya maka kami dapat menyempurnakan sebuah karya ini. Penulis mempersembahkan sebuah manuskrip bertajuk "Apa Khabar Ayah Bonda" yang mana menurut penulis dapat membantu anak-anak atau mahasiswa untuk mengenang serta membalas jasa ibu dan bapa mereka. Pengorbanan yang dilakukan oleh orang tua sememangnya tidak terbalas oleh kita sebagai seorang anak.

Karya ini mengisahkan pengorbanan ibu dan ayah yang disampaikan dengan beberapa siri cerita pendek dengan tajuk yang menarik. Buku yang terbahagi kepada dua bahagian ini disusun agar pembaca bukan sahaja dapat membaca cerpen tetapi juga mendapat pengajaran serta panduan yang bermanfaat daripada kisah tersebut. Beberapa potong ayat al-Quran yang sesuai turut diselang-selikan dalam penulisan ini. Gaya penyusunan ini diterapkan dalam Bahagian I dalam kandungan buku ini. Sementara itu, pada Bahagian II, pembaca dapat membaca cerita-cerita motivasi tentang pengorbanan seorang bapa. Cerpen pada bahagian ini adalah daripada pengalaman penulis sendiri yang dibesarkan oleh bapa yang penyayang dan prihatin

Apa Khabar Ayah Bonda?

kepada anaknya. Cerpen ini menggunakan Bahasa Melayu standard secara keseluruhan dan sesuai dijadikan bahan bacaan oleh para pelajar untuk aktiviti Nilam.

Penulis mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang telah menyumbang dalam penulisan buku ini terutamanya kepada arwah ibu dan ayah kedua-dua penulis yang telah membesarkannya sehingga ke menara gading dan mereka juga yang telah membekalkan ilmu dunia dan akhirat buat pegangan kepada penulis.

Penghargaan

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang telah menyokong dan membantu dalam menjayakan penerbitan buku ini. Pertama sekali, terima kasih kepada Allah SWT atas limpahan rahmat dan hidayah-Nya. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada keluarga tersayang yang sentiasa memberi sokongan moral dan material.

Terima kasih yang setinggi-tingginya kepada almarhumah ibu dan almarhum ayah yang telah mendidik dan membesarkan saya menjadi insan yang berguna. Walaupun mereka buta huruf, mereka berjaya mendidik kelima-lima anak mereka hingga mencapai menara gading. Jasa dan pengorbanan mereka tidak ternilai dan tidak dapat dibalas. Begitu juga ucapan terima kasih penulis kepada keluarga mereka. Bagi penulis, penghargaan terima kasih ini dirakamkan kepada suami, Mohd Fuad bin Abdul Wahab yang sentiasa menyokong minat dan penulisan isterinya. Sokongan daripada suaminya merupakan satu rahmat kepada dirinya sebagai penulis. Ucapan terima kasih ini juga diucapkan kepada anak-anak penulis iaitu Haziq, Hadif, Hakim dan Hurul yang secara langsung atau tidak langsung

Apa Khabar Ayah Bonda?

telah memberi idea terutamanya untuk karakter dalam penulisan buku ini.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada para penyunting dan penerbit yang telah bekerja keras dan berusaha tanpa mengenal penat lelah untuk memastikan buku ini dapat diterbitkan dengan jayanya. Dedikasi dan komitmen mereka dalam setiap peringkat penerbitan bermula dari penyuntingan hingga ke pencetakan telah memainkan peranan penting agar buku ini dapat disiapkan dengan sempurna.

Akhir sekali, penghargaan khas kepada para pembaca yang sudi meluangkan masa untuk membaca dan menghayati karya ini. Semoga buku ini dapat memberi manfaat dan inspirasi kepada semua. Terima kasih.

Ayah Bonda: Pengorbanan yang tak Tertandingi

Ayah bonda,

Pengorbanan ayah bonda tiada terperi,
Aku dididik dan diasuh setiap hari,
Untuk menjadi seorang yang punya pekerti tinggi,
Kusanjung ayah bonda atas pengorbanan ini.

Ayah bonda,

Jasa ayah bonda sudah terbukti,
Walaupun ayah bonda tiada di sisi kini,
Akan kukenang setiap ilmu yang diberi,
Agar ia menjadi panduan diri.

Ayah bonda,

Andai diriku pernah menghiris hati ayah bonda,
Lantaran diriku terlalu menurut nafsu kata,
Pun begitu tiada sedikit pun kata cela daripada ayah
bonda,

Apa Khabar Ayah Bonda?

Jauh sekali ungkapan kata-kata nista.

Ayah bonda,

Kumohon ampun atas kesalahan yang kulakukan,
Moga pahala pengorbanan ayah bonda diberkati oleh
yang Maha Esa,
Bagi segenap titik peluh yang ayah bonda curahkan,
Diriku ini memanjatkan doa agar ayah bonda sentiasa
dalam rahmat Tuhan yang Esa.

- Zuraina, 2008

*"Wahai Tuhanaku, kasihilah mereka keduanya,
sebagaimana mereka berdua telah mendidik aku
waktu kecil."*

(Al Israa':24)

Pendahuluan

Tidak teringatkah pada masa kecil dahulu, ibu terjaga pada waktu malam setiap kali anaknya menangis meminta susu? Segera dia ke dapur membancuhkan susu untuk anak yang disayanginya. Sesekali dia menjadi puteri salju yang bernyanyi merdu mengulik anaknya dan anak itu kembali tidur lena. Diangkatnya juga tilam untuk dijemur apabila anaknya terkencing malam. Tidak sepatah perkataan penat pun disuarakan oleh ibu. Dia menjadi *baby sitter* yang paling setia. Apakah kebaikan yang kita lakukan untuk membalas antara jerih ibu ini? Allah S.W.T berfirman:

"Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua-dua ibu bapanya; ibunya telah mengandungnya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan (dari awal mengandung hingga akhir menyusunya), dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun; (dengan yang demikian) bersyukurlah kepada-Ku dan kepada kedua-dua ibu bapamu; dan (ingatlah), kepada Akulah juga tempat kembali (untuk menerima balasan)."

(Surah Luqman, Ayat 14)

Tidak ada yang dilakukannya setiap pagi melainkan menyiapkan sarapan anak-anak yang akan

Apa Khabar Ayah Bonda?

berangkat ke sekolah. Baju mereka dipastikan bergosok, rambut anaknya disikat dan pipi anaknya dibedak. Fikir atau tidak akan kita berapa banyak wang yang ibu dan bapa kita perlu sediakan untuk membayar tambang bas, duit belanja, duit tuisyen, dan duit persatuan pada setiap bulan? Dilayan karenah anaknya apabila mahukan segala sesuatu. Walaupun begitu, mereka menjadi pelayan yang sering terlupa dihargai.

Apabila menyeberang ke sekolah, dipimpin erat tangan anaknya, khuatir keselamatan mereka. Apabila kita besar kelak, malukah kita memimpin mereka untuk menyeberang jalan? Sampai hatikah kita hanya memberhentikan kereta di hadapan hospital dan menyuruh mereka berjalan sendirian ketika menemankan mereka mengambil ubat? Tidak kasihankah kita melihat mereka diperlakukan demikian? Mata mereka tidak begitu nampak, kaki pun tidak begitu sihat untuk berjalan. Inikan pula untuk melintas jalan. Gambaran ini tidak perlu dirasakan mustahil atau pelik kerana ada anak yang berasa malu memimpin si tua gayut yang membesaraskan mereka untuk ke seberang jalan. Apatah lagi bersuamikan atau beristerikan lelaki atau wanita yang bergaji besar sementelah mempunyai ibu atau bapa mertua yang gayut? Atau memiliki rupa paras menawan? Atau sibuk melayani kehendak

keluarga sendiri. Zalimnya seorang anak itu. Abu Hurairah *radhiallahu 'anh* berkata:

Seorang lelaki datang menemui Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam dan bertanya: "Siapakah manusia yang paling berhak untuk aku layan dengan sebaik-baiknya?" Baginda menjawab: "Ibu kamu." Dia bertanya lagi: "Kemudian siapa?" Baginda menjawab: "Ibu kamu." Dia bertanya lagi: "Kemudian siapa?" Baginda menjawab: "Ibu kamu." Dia bertanya lagi: "Kemudian siapa?" Baginda menjawab: "Ayah kamu."

Apabila hari raya, baju siapakah yang dipastikan siap terlebih dahulu? Begitu tekun ibu menjahit untuk menyediakan baju anak-anaknya. Dia mahukan anaknya bergembira dengan baju baharu yang dijahitnya sendiri. Walaupun materialnya mungkin tidak seberapa pasti dia tersenyum melihat celoteh anaknya memakai baju itu pada pagi raya. Petang dan malam sebelum syawal dialah yang paling sibuk menyediakan rendang, ketupat dan pelbagai makanan tradisional yang lain. Pastinya sekali lagi dia akan tersenyum melihat anaknya berselera memakan makanan yang disajikan kepada mereka. Ibulah yang menjadi tukang masak dan bapa pula tukang mencari buluh dan kayu api. Di mana anak-anaknya untuk membantu apabila mereka lebih suka melabuhkan mata menonton rancangan hiburan yang dipaparkan di televisyen. Menjenguk ke dapur jauh sekali. Inikan pula mencari kayu-kayan dan buluh di dalam hutan.

Apa Khabar Ayah Bonda?

Tapi apabila di pagi raya, juadah yang disediakan dimakan mengalahkan ibu dan bapa yang telah tua memasak dan menyediakan masakan di dapur.

Fikirlah walaupun ibu dan bapa kita tidak berpeluang untuk mendapat pendidikan yang sempurna, mereka sedaya upaya memastikan anaknya tidak menghadapi situasi yang sama seperti mereka. Mereka berkorban wang ringgit dan keringat untuk menyediakan kehendak anak mereka. Mereka pastikan keselesaan anak untuk menelaah pelajaran. Buku apakah yang tidak mampu disediakan oleh mereka? Meja belajar, jam loceng, lampu belajar? Semuanya diusahakan. Apabila malam diteman anaknya untuk belajar walaupun mata dan badan cukup letih dek kerana kerja rumah pada siang hari. Membantu mana-mana yang boleh sementelah mereka hanya mengaji di sekolah atap. Itupun tidak tamat persekolahan kerana perang Jepun. Ibu membancuh minuman agar anaknya berasa segar ketika menelaah. Dia menjadi guru yang tak pernah digaji. Oleh itu, layakkah kita apabila besar kelak, mempunyai pekerjaan baik dan gaji lumayan mengherdik orang tua kita? Cuba kita renungkan...

Bacalah bismillah bagi memulakan bacaan buku ini. Selawatlah kepada Rasulullah S.A.W., ibu bapa, guru, keluarga, Muslimin serta Muslimat agar kita mendapat keredaan dari-Nya.

Bahagian 1

Seuntai Dedikasi untuk Ibu Tercinta

Bahagian pertama ini saya mulakan dengan kisah saya bersama arwah ibu. Ibu saya merupakan seorang yang tegas apabila mengasuh kami. Beliau mahukan yang terbaik untuk anak-anaknya walaupun kami hidup dalam serba kedhaifan. Ibu saya tidak pernah bersekolah kerana di zaman Jepun katanya peluang untuk belajar adalah agak sukar. Beliau yang berasal dari Pulau Wan Man, Kuala Terengganu (kini dibina Masjid Kristal) merupakan anak kampung yang mempunyai ramai adik-beradik. Sampai sekarang saya tidak ingat semua ibu dan bapa saudara kerana saya terlalu kecil saat ibu bercerita mengenai kisah adik-beradiknya di pulau berkenaan. Saya teringat bahawa seorang kakaknya dibaham buaya ketika sedang membasuh baju di birai sungai pulau itu. Entah, saya tidak pasti kisah sebenarnya kejadian tersebut. Apa yang pasti kesusahan ibu pada masa lampau membentuk personalitinya yang tegas dan tidak cepat mengalah.

Apa Khabar Ayah Bonda?

Beliau merupakan guru mengaji kedua saya kerana saya mengkhatam al-Quran di bawah bimbingan beliau. Ketika mengaji tidak sah kalau air mata tidak menitik dek kerana garangnya beliau mengajar saya ketika itu. Tertunduk-tunduk kepala menangis ketika itu kerana tidak mahu pelajar lain nampak bahawasanya air mata sedang menitik ke atas lembaran al-Quran.

Beliau juga amat mengambil berat tentang akademik anak-anaknya sehingga semuanya berjaya melanjutkan pelajaran ke universiti dalam dan luar negara. Saya masih ingat beliau mengarahkan saya untuk menelaah kerana risau saya tidak langsung membaca buku untuk menghadapi peperiksaan akhir. Sebagai seorang pelajar yang "terkebelakang" saya tidak begitu mengendahkan nasihat beliau untuk menelaah. Selalunya saya sudah "menempah" nombor 29 atau 30 dan itu adalah nombor kedudukan dalam kelas pada setiap pertengahan atau hujung tahun peperiksaan sepanjang berada di sekolah rendah.

Ibu saya memang sentiasa risau dengan perkembangan akademik memandangkan saya tidak cemerlang di lapangan ini. Walaupun begitu, beliau tidak pernah membanding-bandingkan saya dengan anak-anaknya yang lain. Ketara saya tidak gemar mata pelajaran Matematik. Saya masih ingat lagi

Bahagian 1: Seuntai Dedikasi untuk Ibu Tercinta

beliau cuba mengajar operasi tambah ketika saya berada di sekolah rendah Tahap Satu tentang operasi tambah yang mudah seraya menyediakan minum petang. Sambil menggoreng kuih kasturi dan dengan lagak seorang penjual, beliau bertanya, "Kalau mak nak beli tiga biji kuih kasturi berharga 20 sen, berapa mak kena bayar?"

Bagi seorang yang tidak memahami konsep tambah, sudah tentu saya tidak dapat mencongak harga yang patut dibayar untuk tiga biji kuih kasturi. Beliau menggeleng kepala kerana saya tidak dapat menyelesaikan operasi tambah yang mudah itu. Saya tersengih seperti kerang busuk kerana tidak dapat memberi jawapan kepada operasi tambah tersebut. Di sekolah menengah ibu menghantar saya ke pusat tuisyen matematik. Ada ketika beliau juga menyarankan saya untuk membuat *personal tutoring* dengan sepupu yang belajar di sekolah berasrama penuh. Ibu akan menyarankan saya untuk tinggal di rumah sepupu tersebut beberapa hari ketika cuti persekolahan. Sudah tentu sagu hati dibayar kepadanya. Begitulah ibu saya yang sentiasa memberikan sokongan dan ikhtiar agar anaknya cemerlang dalam pembelajaran. Beliau sangat memahami keperluan saya tanpa saya perlu menyatakan itu dan ini.

Apa Khabar Ayah Bonda?

Kisah pada ruangan ini merupakan cerita saya dan ibu. Ada kisah semasa di sekolah menengah dan ada juga kisah bersama ibu ketika saya melanjutkan pelajaran di universiti. Saya menukar nama dalam watak-watak yang saya reka dalam buku cerita ini agar dapat mencipta suasana yang lebih terhubung dengan identiti dan perasaan yang ingin saya ungkapkan.

Tujuan menukar karakter apabila saya menulis buku ini agar watak-watak yang saya jelaskan lebih mendalam. Saya memberi sifat kepada watak-watak dengan mencipta latar belakang berbeza agar pembaca bermotivasi dan dapat mengambil *'ibrah'* atau contoh teladan daripada pengalaman saya secara tidak langsung. Semoga kisah saya bersama ibu tercinta dapat dimanfaatkan sebagai inspirasi bagi semua yang membaca, mengingatkan kita akan nilai-nilai seorang ibu yang sentiasa berkorban tanpa syarat dan kekuatan cinta yang melintasi batas ruang dan waktu. Dalam perjalanan hidup ini, saya belajar bahawa hubungan ibu dan anak adalah simpulan kebahagiaan yang tidak dapat diuraikan. Simpulan tersebut adalah satu pelajaran berharga yang akan terus membimbing langkah-langkah saya dalam mengharungi liku-liku kehidupan.